

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/1973**

=====

**SYARAT-SYARAT PENGELUARAN MILIK TANAH UNTUK TAPAK
RUMAH DAN KEDAI DI KAMPONG-KAMPONG BARU DAN LAIN-
LAIN KAMPONG PEMINDAHAN**

Majlis Mesyuarat Kerajaan didalam mesyuaratnya pada 29hb Jun 1972 telah membuat keputusan syarat berikut:-

(i) Tempoh Pajakan

Pajakan yang dikeluarkan ialah selama 60 tahun

(ii) "Concession" Kepada Pengungsi

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada masa sekarang memberi 'Concession' hanya kepada pengungsi (Original Settlers) iaitu kepada orang yang dipindahkan semasa darurat. Cadangan untuk memberi 'Concession' kepada anak pengungsi bolehlah dipertimbangkan dimana-mana kes yang difikirkan sesuai dan didapati tidak ada apa-apa perbalahan diantara anak-anak pengungsi jika ia mempunyai anak lebih daripada satu.

(iii) Taraf Konsep Pengungsi

Tafsiran 'Pengungsi' sebagai orang-orang yang dipindahkan sebelum 31/12/1960.

(iv) Bayaran Premium dan Kadar Cukai Yang dikenakan Kepada Pengungsi.

(A) Rumah Kediaman- Tanah Desa dan Tanah Pekan

Premium	RM 10.00 selot
Cukai Tahunan	RM 10.00 selot
Upah Ukur Dan lain-lain bayaran	Kadar-Kadar yang ditetapkan

(B) Rumah Kedai – Tanah Desa dan Tanah Pekan

Premium	RM 10.00 selot
Cukai Tahunan	RM 25.00 hingga RM 100.00 selot
Upah ukur dan lain-lain Bayaran	Kadar-kadar yang ditetapkan

(v) Bayaran Premium dan Kadar Cukai Yang dikenakan Kepada Bukan Pengungsi

(A) Rumah Kediaman – Tanah Desa

Premium : $\frac{1}{2} \times 1/100 \times$ harga pasaran x 60 tahun

Cukai Tahunan

Kuala Lumpur : 01 Sen Sekaki Persegi

Kelang : 0.5 Sen Sekaki Persegi

Kuala Selangor - 0.3 Sen Sekaki Persegi

Ulu Selangor - 0.3 Sen Sekaki Persegi

Kuala Langat - 0.3 Sen Sekaki Persegi

Ulu Langat - 0.3 Sen Sekaki Persegi

Sabak Bernam - 0.3 Sen Sekaki Persegi

Upah Ukur dan : Kadar-kadar yang ditetapkan lain-lain bayaran

(B) Rumah Kediaman- Tanah Pekan

Premium : $\frac{3}{4} \times 1/100 \times$ harga pasaran x 60 tahun

Cukai Tahunan

Kuala Lumpur : 01 Sen sekaki Persegi

Kelang : 0.5 Sen Sekaki Persegi

Kuala Selangor - 03 Sen Sekaki Persegi

Ulu Selangor - 03 Sen Sekaki Persegi

Kuala Langat - 03 Sen Sekaki Persegi

Ulu Langat - 03 Sen Sekaki Persegi

Sabak Bernam - 03 Sen Sekaki Persegi

Upah ukur dan : Kadar-kadar yang ditetapkan lain-lain bayaran

(C) Rumah Kedai -Tanah Desa

Premium : $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100}$ harga pasaran x 60 tahun

Cukai Tahunan

Kuala Lumpur : 06 Sen Sekaki Persegi

Kelang : 05 Sen Sekaki Persegi

Kuala Selangor - 02 Sen Sekaki Persegi

Ulu Selangor - 02 Sen Sekaki Persegi

Kuala Langat - 02 Sen Sekaki Persegi

Ulu Langat - 02 Sen Sekaki Persegi

Sabak Bernam - 02 Sen Sekaki Persegi

(D) Rumah Kedai – Tanah Pekan

Premium : $1 \frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times$ harga pasaran x 60 tahun

Cukai Tahunan

Kuala Lumpur : 06 Sen Sekaki Persegi

Kelang : 05 Sen Sekaki Persegi

Kuala Selangor - 02 Sen Sekaki Persegi

Ulu Selangor - 02 Sen Sekaki Persegi

Kuala Langat - 02 Sen Sekaki Persegi

Ulu Langat - 02 Sen Sekaki Persegi

Sabak Bernam - 02 Sen Sekaki Persegi

2. Untuk menyenangkan Pemungut Hasil Tanah membuat kiraan premium keatas tanah Kampung-kampung Baru di Negeri ini kepada Bukan Pengungsi bolehlah dikenakan berasaskan kepada harga pasaran seperti berikut :-

(a) Semua Kampung-kampung : 46 Sen sekaki persegi
Baru dalam Daerah Kuala Lumpur

(b) Kampung Baru Pandamaran, : 46 Sen Sekaki persegi
Kelang

- (c) Kampong Baru Balakong : 46 Sen sekaki persegi
- (d) Kampong Baru Batu 9 Cheras : 46 Sen sekaki persegi
- (e) Semua Kampong-kampong Baru dalam Daerah Kuala Selangor : RM4,000.00 Seekar
- (f) Semua Kampong-kampong Baru dalam Daerah Hulu Selangor : RM4,000.00 Seekar
- (g) Semua Kampong-kampong Baru dalam Daerah Kuala Langat : RM4,000.00 Seekar
- (h) Semua Kampong-kampong Baru dalam Daerah Hulu Langat melainkan Batu Cheras dan Balakong : RM4,000.00 Seekar
- (i) Semua Kampong-Kampong Baru dalam Daerah Sabak Bernam : RM4,000.00 Seekar

Syarat-syarat nyata adalah seperti berikut :

(a) Bagi Keluaran Tanah Yang Belum Ada Bangunan

Syarat-syarat nyata :

- (i) Pemajak hendaklah dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran Surat Hakmilik atau dalam tempoh yang telah dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mendirikan sebuah rumah kediaman / kedai yang jenis dan reka bentuknya telah diluluskan olehdan selepas itu hendaklah menjaga dengan keadaan baik setara dengan keadaan baik setara dengan kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Negeri dan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri tanah yang telah diluluskan ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.
- (ii) Pemajak hendaklah membayar dan menyelesaikan segala cukai, bayaran –bayaran, taksiran-taksiran dan sebarang apa jua bayaran yang mungkin dikenakan dari semasa kesemasa atau sebahagian daripadanya atau apa-apa banguna diatasnya samada yang dikenakan oleh Pihak Penguasa Tempatan atau lain-lain Pihak Berkuasa.

Sekatan Hak

- (a) Tanah yang dipajakkan ini tidak dipindah hakmilik, dipajakkan atau dicagarkan sebelum mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Tahun Yang pertama

Premium	:	RM10/-seekar
Cukai Tahunan	:	RM1.50 Seekar
Upah Sukat	:	2/3 dikurangkan
Batu Sempadan	:	Kadar yang ditetapkan
Daftar Q.T	:	RM16/-
Bayaran Notis	:	RM2/-
Daftar Permohonan	:	RM1/-

Tahun Kedua

Cukai	:	RM1.50 seekar
-------	---	---------------

Tahun Yang Ketiga

Cukai	:	RM1.50 seekar
-------	---	---------------

Tahun Yang Keempat

Cukai	:	RM1.50 seekar
-------	---	---------------

Tahun Yang Kelima

Cukai	:	RM1.50 seekar + RM 149/-
-------	---	--------------------------

Tahun Yang Keenam

Cukai	:	RM7/- seekar + RM149/-
-------	---	------------------------

Tahun Yang Ketujuh

Hingga

Tahun Yang Keempat Belas

Cukai	:	RM7/- seekar + RM149/-
-------	---	------------------------

Tahun Yang Kelima Belas dan seterusnya

Cukai	:	RM7/- seekar
-------	---	--------------

(b) **Bagi Keluaran Tanah Yang Sedia Ada Bangunan.**

Syarat-syarat nyata :

- (i) Rumah kediaman yang telah sedia didirikan di atas tanah yang dipajakkan ini dan apa-apa bangunan baru akan didirikan di atasnya hendaklah mengikut satu pelan yang jenis dan reka bentuknya telah diluluskan olehdan pemajak hendaklah menjaga rumah itu dalam keadaan baik setara dengan kehendak-kehendak Pihak Pengusaha Negeri dan melainkan kelulusan Pihak

Berkuasa Negeri tanah yang diluluskan ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.

- (ii) Pemajak hendaklah membayar dan menyelesaikan segala cukai, bayaran-bayaran, taksiran-taksiran dan sebarang apa jua bayaran yang mungkin dikenakan dari semasa ke semasa atau sebahagian daripadanya atau apa-apa bangunan di atasnya samada yang dikenakan oleh Pihak Penguasa Tempatan atau lain-lain Pihak Berkuasa.

Sekatan Hak

Tanah yang dipajakkan ini tidak boleh dipindah hakmilik, dipajakkan atau dicagarkan sebelum mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

- 3. Pemungut adalah diingatkan iaitu semua bayaran bagi tahun yang pertama hendaklah dipungut. Selepas itu bolehlah didaftarkan suratan Hakmilik Sementara.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL 1299 PT 2

KUALA LUMPUR
10HB JULAI 1974

*** PEKELILING INI TELAH TERBATAL DENGAN PEKELILING Bil. 4/1997**